

31/03/1997

Bahasa Melayu semakin jauh terpinggir

Sut

SABTU lalu, bekas Wakil Tetap Malaysia ke Unesco, Datuk Hassan Ahmad yang juga bekas Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) membentangkan syarahan bertajuk 'Dasar Bahasa Kebangsaan dan Cabarannya' dalam siri Syarahan Raja Ali Haji anjuran Persatuan Linguistik Malaysia.

Menurut Hassan "empat perubahan besar yang berlaku pada dasar bahasa di Malaysia selepas kemerdekaan ialah: Pertama, bahasa Melayu diisytiharkan sebagai bahasa kebangsaan negara untuk seluruh rakyat Malaysia (iaitu tidak sebagai 'bahasa kebangsaan' bangsa Melayu saja, bangsa Melayu yang mempunyai pelbagai dialek dan ragam bahasa di Tanah Melayu); kedua, bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi tunggal negara; ketiga, bahasa Melayu menggantikan bahasa Inggeris sebagai alat pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan yang menggantikan sistem pendidikan acuan Inggeris, dan keempat, bahasa Inggeris diajar di sekolah sebagai bahasa kedua yang wajib."

Undang-undang bahasa yang ada setakat yang sesuai dengan keadaan kepelbagaian etnik, bahasa dan budaya yang wujud di Malaysia, sudah cukup untuk membolehkan kerajaan dan pihak yang menyokong dasar itu memajukan bahasa Melayu sebijak mungkin sesuai dengan taraf dan martabatnya sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara.

Hassan menegaskan bahawa salah tafsiran makna tersirat undang-undang bahasa menyebabkan lahirnya dua sektor bahasa di negara ini iaitu sektor awam yang menggunakan bahasa Melayu dan sektor swasta menggunakan bahasa lain terutama bahasa Inggeris sebagai bahasa utama.

Beliau menegaskan mengenai kemampuan dan bukti kemampuan bahasa Melayu dalam pelbagai bidang kehidupan di Malaysia. Sesungguhnya kemampuan bahasa Melayu dalam bidang pendidikan tidak dapat dinafikan oleh sesiapaupun. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri pernah berkata: "Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) adalah bukti nyata bahawa bahasa Melayu mampu dan layak menjadi bahasa ilmu tinggi."

Malangnya, dasar bahasa yang sudah dilaksanakan dengan baik dan menggunakan begitu banyak masa dan wang itu kini berkocak lagi. Ada tokoh korporat bukan Melayu menyeru kerajaan supaya melonggarkan dasar bahasa kebangsaan. Begitu juga ada ahli Parlimen dari Barisan Nasional (BN) yang menyeru kerajaan supaya menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua.

Krisis baru mengenai bahasa Melayu ini terjadi disebabkan dua punca. Pertama tanggapan yang salah terhadap fungsi atau kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan di dalam negeri ini berbanding dengan fungsi bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kedua, kesalahan orang Melayu sendiri.

Ada banyak orang tidak dapat membezakan fungsi bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris berdasarkan dikotomi fungsi bahasa ala Joshua Fishman yang berkata di negara bekas tanah jajahan Barat yang poliglosik coraknya mungkin perlu diwujudkan situasi diglosia baru, menggunakan dua ragam bahasa, satu bahasa anak negeri sebagai alat nasionalisme dan yang satu lagi bahasa komunikasi luas seperti bahasa Inggeris untuk dijadikan bahasa kemajuan atau bahasa pembangunan nasionalisme.

Orang tidak dapat membezakan antara fungsi bahasa sendiri sebagai penjana dan pengungkap peradaban bangsa dengan kegunaan bahasa asing sebagai bahasa kedua, ketiga atau keempat sebagai alat komunikasi.

Pemimpin dan kita sendiri selalu bercakap mengenai kemajuan berdasarkan acuan sendiri yang tentunya bermaksud acuan budaya atau nilai bangsa

sendiri. Bangsa dan negara yang kita hendak majukan itu bukannya bangsa dan negara Inggeris, Jerman ataupun India tetapi ialah bangsa dan negara Malaysia. Bahasa apakah yang mesti kita gunakan untuk mencapai tujuan ini jika tidak bahasa Melayu? Kita selalu menegaskan bahawa tidak ada bangsa di dunia yang membina tamadun atau peradaban tinggi melalui bahasa pinjaman atau bahasa kedua.

Kata Hassan: "Bahasa Melayu bukan saja sedang dicabar tetapi juga terancam. Yang mengancam kedudukan bahasa Melayu bukan undang-undang bahasa, bukan bahasa Inggeris dan bukan musuh bahasa Melayu tetapi ialah orang Melayu sendiri. Kitalah (ilmuan, ahli korporat, ahli politik dan sebagainya) yang berkata bahawa bahasa Inggeris itu lebih penting daripada bahasa Melayu sebagai bahasa kemajuan, orang lain memang mempunyai pandangan yang sama sejak 1957, lagipun ikut memberi sokongan, pada hal generasi baru tidak menimbulkan soal ini lagi."

Orang Melayu yang berkuasa meminggirkan bahasa Melayu daripada rancangan pembangunan manakala orang lain mengikut keputusan kita. Mereka tidak mahu lagi menyokong rancangan pembinaan kepustakaan bahasa Melayu. Orang Melayu yang termasuk dalam golongan sarjana, cendekiawan, ilmuan sudah cukup ramai untuk membantu tetapi kebanyakan mereka belum mampu menghasilkan karya ilmu dalam bidang sains dan teknologi atau dalam bidang sains kemanusiaan. Golongan cendekiawan Melayu hendaklah bersedia menjawab jika pemimpin Melayu seperti Dr Mahathir bertanya: Apakah yang anda buat untuk menghasilkan buku sains dan teknologi yang banyak dan bermutu dalam bahasa Melayu?

Soalnya, Apakah yang harus kita lakukan sekarang?

(END)